

Bahasa Melayu: **Kata Adjektif**

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

busuk	lemau	hamis	tebal	hapak
kuning	lebat	curam	lurus	hanyir
merdu	gagah	pantas	kencang	pahit

1. Ikan itu berbau _____.
2. Bantal yang telah lama itu berbau _____.
3. Lebuhraya di Negara Brunei Darussalam kebanyakannya _____.
4. Adik tidak mahu makan ubat yang _____ itu.
5. Kamus Pelajar yang dibeli oleh ayah agak _____.
6. Biskut yang telah _____ itu usahlah kamu makan.
7. Beberapa batang pokok durian ayah berbuah _____.
8. Badan pemuda itu berbau _____ semasa dia berpeluh.
9. Gergasi yang _____ itu berjaya diperdaya oleh Sang Kancil.
10. Biduanita yang bersuara _____ itu memang banyak peminat.
11. Ribut _____ telah memusnahkan beberapa buah rumah di situ.
12. Warna _____ pada bendera itu melambangkan Islam agama rasmi.
13. Usain Bolt mencatat masa yang paling _____ dalam acara 100 meter.
14. Rasa ikan air tawar sememangnya _____ jika tidak dimasak dengan betul.
15. Setiap pengguna jalan raya mesti berhati-hati semasa melalui cerun yang _____ itu.

Perbendaharaan kata:

1. Lemau – tidak garing
2. Hamis – berbau busuk seperti bau kambing, peluh
3. Hapak – berbau tidak sedap kerana sudah lama tersimpan
4. Hanyir – berbau seperti bau ikan basah
5. Curam – cerun, sangat menurun (hampir tegak)

Disediakan Oleh:
Cikgu HjH Norasidah
Sumber: BK BM 5A